

KUTKM tubuh panel penasihat sokong sektor industri

Archival News | Utusan Malaysia | 14/02/2005

MELAKA 13 Feb. — Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menubuhkan Panel Penasihat Industri bagi memantapkan lagi kerjasama dan hubungan antara pihak universiti dengan sektor industri, kata rektornya, Profesor Datuk Ismail Hassan.

Beliau berkata, keanggotaan panel itu terdiri daripada pakar industri dari dalam dan luar negara yang akan memberi nasihat kepada KUTKM dalam meningkatkan hubungan dan sokongan dengan pihak industri.

Menurutnya, mesyuarat pertama panel itu dijangka diadakan April ini dan strategi perkongsian pintar yang dijalin itu diharap akan memberi manfaat kepada KUTKM dan sektor industri.

``Sebagai sebuah universiti yang mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan, kejayaan program akademik yang ditawarkan banyak bergantung kepada kerjasama erat dengan industri,'' katanya di sini hari ini.

Dalam aspek ini beliau berkata, KUTKM telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan beberapa syarikat termasuk Solidworks, Cubic Electronics, DRB-HICPM, CTRM, MAYA Artificial Intelligence, MRJ, Robomatics, KRU dan DTEX International.

Katanya, mulai tahun ini, setiap pihak yang bertanggungjawab terhadap MoU itu perlu meningkatkan kerjasama dan menyediakan laporan kemajuan setiap enam bulan bagi tujuan pemantauan.

Selain itu, setiap fakulti juga jelas beliau, perlu mengenal pasti projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang sesuai untuk dilaksanakan bersama pihak industri.

Ismail berkata, KUTKM kini memberikan tumpuan terhadap bidang pembuatan termaju sebagai bidang terasnya.


Ia antara lain merangkumi pelbagai program sokongan kepada sektor pembuatan termasuk kejuruteraan elektrik, elektronik, komputer, mekanikal dan teknologi maklumat.

Selaras dengan itu, tambahnya, setiap fakulti harus mempunyai program penyelidikan dan menyokong bidang tersebut.

Sebagai contohnya jelas beliau, kajian boleh dilakukan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam meningkatkan keberkesanan sektor pembuatan.

Dalam bidang keusahawan pulak katanya, KUTKM menubuhkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bidang tersebut.

(Source : Utusan Malaysia)



اوپیزه ملیسیا ملاک
جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA